



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : PKPMP.PKP.600-1/4/2

20 Oktober 2017

Tarikh :

Pengarah  
Mahkamah-Mahkamah Negeri  
**Seluruh Malaysia**

Timbalan Pendaftar Pentadbiran  
Mahkamah Tinggi  
**Seluruh Malaysia**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN PUSINGAN KERJA BAGI JAWATAN BAILIF DI MAHKAMAH TINGGI  
DAN MAHKAMAH RENDAH DI SELURUH MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Risiko Bil. 2/2017 yang telah diadakan pada 11 Ogos 2017, didapati bahawa terdapat bailif Mahkamah yang telah memegang jawatan sebagai bailif di Mahkamah yang sama bagi suatu tempoh masa yang lama dan melebihi 20 tahun. Justeru, Mesyuarat telah memutuskan untuk menetapkan arahan pusingan kerja kepada setiap bailif untuk dilaksanakan di semua Mahkamah di Malaysia.
3. Syor yang dibuat adalah untuk memastikan agar pertukaran setiap bailif yang telah berkhidmat sebagai bailif di Mahkamah yang sama bagi suatu tempoh masa yang lama dilaksanakan secara berperingkat.
4. Berikut merupakan jadual cadangan pertukaran jawatan bailif secara berperingkat:

<b>Peringkat 1</b> (bagi bailif yang telah berkhidmat dalam tempoh masa antara 15 – 20 tahun dan melebihi 20 tahun di Mahkamah yang sama)	Tempoh masa pelaksanaan: bulan Oktober 2017
--	--

<p><b>Peringkat 2</b> (bagi bailif yang telah berkhidmat dalam tempoh masa antara 10 - 15 tahun)</p>	<p>Tempoh masa pelaksanaan: Januari 2018</p>
<p><b>Peringkat 3</b> (bagi bailif yang telah berkhidmat dalam tempoh masa antara 5 - 10 tahun)</p>	<p>Tempoh masa pelaksanaan: bulan Mac 2018</p>


5. Bagi pelantikan atau calon pelantikan bailif yang baharu, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, perlulah terlebih dahulu mengemukakan senarai nama calon kepada Pengarah Bahagian Pengantara (Mediasi) & Pelaksanaan Kehakiman bagi tujuan pemprofilan (*profiling*) oleh Unit Integriti Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. Di samping itu juga, calon yang dinamakan hendaklah daripada jawatan Pembantu Tadbir Undang-Undang (Gred L19) dan bukan daripada kalangan kakitangan yang memegang jawatan Pembantu Tadbir Operasi (Gred N19) atau Penghantar Notis (Gred N11).

6. Arahan ini berkuat kuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' SRI LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR)**

Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

**PUTRAJAYA**

**salinan kepada:**

- (i) Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)
- (ii) Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)
- (iii) Pengarah Bahagian Perancangan Strategik, Inovasi, Naziran dan Korporat
- (iv) Pengarah Bahagian Pengantaraan (Mediasi) dan Pelaksanaan Kehakiman
- (v) Pengarah Unit Integriti